



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: pro@dvs.gov.my**



KENYATAAN MEDIA

ISU KENAIKAN HARGA TELUR AYAM

1. Isu kenaikan harga telur ayam mula dibangkitkan susulan laporan akhbar mengenai kenaikan harga telur ayam di utara Semenanjung Malaysia.
2. Hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak Kementerian menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati memang berlaku kenaikan harga telur ayam sebanyak 2 sen (Gred C) di peringkat ladang daripada 38 sen pada 28 November 2018 kepada 40 sen pada 4 Disember 2018.
3. Siasatan lanjut Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati bahawa antara faktor penyumbang kenaikan harga telur ayam adalah disebabkan oleh :
 - (i) Pengurangan pengeluaran telur ayam ke pasaran yang berlaku pada bulan Disember 2018 berikutan beberapa ladang telur ayam yang disyaki menghadapi masalah penyakit terutama sekali di utara Semenanjung. Ladang-ladang yang dilapor mempunyai kadar

kematian yang tinggi tidak dibenarkan menjual telur sehingga siasatan dan keputusan makmal mengesahkan tiada jangkitan penyakit. Keadaan ini menyebabkan berlaku pengurangan bekalan telur sebanyak 3%. Penyiasatan dan ujian makmal seterusnya ke atas kes-kes **yang disyaki selsema burung pada awalnya telah menunjukkan bahawa ladang-ladang itu BEBAS daripada jangkitan virus avian influenza H5 dan H7(selsema burung).**

- (ii) Kenaikan kadar tukaran wang asing US Dollar berbanding dengan Ringgit yang berada pada RM3.86 pada bulan April 2018 meningkat ke RM4.18 pada bulan November. Ini memberi kesan kepada kenaikan bahan makanan ternakan yang dimport yang seterusnya meningkatkan kos pengeluaran telur. Secara langsung ia memberi kesan kenaikan harga telur di ladang iaitu sebanyak 5%.

5. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian ialah seperti berikut:

- (i) Satu perjumpaan telah diadakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama pihak Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) dan dihadiri oleh penternak-penternak ayam telur komersial pada 14hb Disember 2018 untuk membincang dan mencari jalan penyelesaian berasaskan situasi menang-menang bagi menangani masalah ini. Pihak pengeluar telur ayam bersetuju di atas cadangan Kementerian untuk mengurangkan harga telur di peringkat ladang sebanyak

2 sen bagi menstabilkan harga telur di pasaran serta memastikan bekalan telur ayam di pasaran mencukupi menjelang musim perayaan ini

(ii) Jabatan akan terus melakukan surveilan penyakit untuk memastikan ayam tidak terjangkit dengan penyakit supaya telur yang dikeluarkan adalah selamat dimakan.

**KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
PUTRAJAYA MALAYSIA
17 Disember 2018**